



Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.13 (99)  
Tarikh : 18 April 2024

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### HEBAHAN PELAWAAN PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berminat dan berkelayakan untuk memohon Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) Tahun 2024 melibatkan penajaan pengajian bagi **peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa sahaja**.

3. PKP yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** boleh memohon penajaan ini dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://bmipenajaan.jpa.gov.my> bermula **3 April hingga 7 Jun 2024**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan ke alamat berikut **sebelum atau pada 31 Mei 2024**:

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1**  
**(Program Kepakaran 1)**  
**Cawangan Operasi Latihan**  
**Bahagian Pengurusan Latihan, KKM**  
**Aras 6, Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3**  
**62675, PUTRAJAYA**  
**(u.p: Urus Setia PPKP)**



4. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi tarikh tutup yang ditetapkan dan **permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.** Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program ini boleh diajukan ke emel: [nurhanani.s@moh.gov.my](mailto:nurhanani.s@moh.gov.my).

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(AZLAN BIN AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN**  
**IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM)**

1. Pengarah Kanan  
Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Pengarah Kanan  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Pengarah Kanan  
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Setiausaha Bahagian Kanan  
Bahagian Pembangunan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa  
Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

9. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan Kompetensi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
10. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
11. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
12. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan & Penuwataan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
13. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Akaun  
Kementerian Kesihatan Malaysia
14. Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia
15. Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
16. Pengarah  
Bahagian Kejururawatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
17. Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Kesihatan Malaysia

18. Ketua Audit Dalam  
Cawangan Audit Dalam  
Kementerian Kesihatan Malaysia
19. Ketua Unit  
Unit Komunikasi Koperat  
Kementerian Kesihatan Malaysia
20. Ketua Penolong Pegawai Perubatan  
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan  
Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN**  
**JABATAN KESIHATAN NEGERI**

1. Pengarah Kesihatan Negeri Johor  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek  
80590 Johor Bahru  
Johor
  
2. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
1358, Jalan Kuala Kedah,  
Taman Teratai Jingga,  
05400 Alor Setar  
Kedah
  
3. Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Aras 5, Wisma Persekutuan Kota Bharu  
Jalan Bayam,  
15590 Kota Bharu  
Kelantan
  
4. Pengarah Kesihatan Negeri Melaka  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC  
75450 Ayer Keroh  
Melaka

5. Pengarah Kesihatan Negeri Pahang  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota  
25582 Kuantan  
Pahang
6. Pengarah Kesihatan Negeri Perak  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Koo Chong Kong  
30000 Ipoh  
Perak
7. Pejabat Kesihatan Negeri Perlis  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi  
01000 Kangar  
Perlis
8. Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Residensi,  
10450 George Town  
Pulau Pinang
9. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
88590 Kota Kinabalu  
Sabah



10. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako  
93050 Kuching  
Sarawak
  
11. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C Seksyen 9  
40100 Shah Alam  
Selangor
  
12. Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan
  
13. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan Jalan Sultan Ismail  
20920 Kuala Terengganu  
Terengganu
  
14. Pengarah Kesihatan W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jabatan Kesihatan W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
50590 Kuala Lumpur
  
15. Pengarah Kesihatan W.P. Labuan  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
Peti Surat 80832  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan

16. Semua Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)
17. Hospital Kuala Lumpur (HKL)
18. Institut Kesihatan Negara (NIH)
19. Institut Kanser Negara (IKN)



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PELAWAAN PERMOHONAN**  
**PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2024**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP)** dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan (tidak termasuk Badan Berkanun Persekutuan)** yang berminat dan berkelayakan untuk memohon Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) Tahun 2024. Program PPKP Tahun 2024 melibatkan penajaan pengajian bagi peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma secara sepenuh masa** sahaja.

PKP yang berminat dan berkelayakan boleh memohon dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://bmipenajaan.jpa.gov.my> mulai **3 April 2024 sehingga 7 Jun 2024**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan tersebut hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

Semua permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan dan diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya pada 14 Jun 2024** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p: **Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan**)

Maklumat lanjut berhubung ketetapan, syarat dan tatacara permohonan / pencalonan bagi program PPKP Tahun 2024 adalah seperti di **Lampiran 1**. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian telefon : **03 – 8885 3053 / 3371** atau emel : [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my)

---

Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

**3 April 2024**

**KETETAPAN DAN TATA CARA PERMOHONAN / PENCALONAN BAGI  
PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2024**

---

**1. PENDAHULUAN**

Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bertujuan untuk **meningkatkan tahap pendidikan** Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) tetapi **tidak menjamin kenaikan pangkat** ke jawatan yang lebih tinggi. Malah, ia lebih menjurus kepada **peluang pembangunan kompetensi dan kemahiran** dalam sesuatu bidang untuk meningkatkan potensi PKP.

PKP yang berjaya ditawarkan program PPKP ini layak menerima elaun dan kemudahan yang ditetapkan serta turut dipertimbangkan kelulusan **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)** di sepanjang tempoh pengajian masing-masing. Pada masa yang sama, penerima PPKP juga perlu menandatangani perjanjian dengan pihak Kerajaan yang antara lainnya akan tertakluk kepada **ikatan berkhidmat dengan Kerajaan dan tuntutan ganti rugi** (jika berkaitan).

**2. PERINGKAT, BIDANG DAN INSTITUSI PENGAJIAN**

- (i) Program PPKP Tahun 2024 melibatkan penajaan pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda dan Diploma secara sepenuh masa** dalam bidang yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A** di institusi pengajian tinggi seperti senarai di **LAMPIRAN B** dan **LAMPIRAN C**. Pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tidak termasuk dalam penajaan di bawah program PPKP Tahun 2024.
-

- (ii) Permohonan kemasukan ke institusi-institusi pengajian yang tersenarai tersebut adalah melalui **Saluran Perdana**<sup>1</sup> sahaja dan pengajian hendaklah bermula pada tahun 2024. Kursus yang diikuti hendaklah mendapat **akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**.
- (iii) Permohonan program PPKP ini hendaklah melibatkan **pengajian di peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik tertinggi sedia yang telah dimiliki.

### **3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

#### **(A) Syarat Umum**

- (i) Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) **lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan** (tidak termasuk Badan Berkanun Persekutuan);
- (ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada **1 Januari 2024**;
- (iii) Memperoleh purata markah minimum **LNPT 85%** bagi tempoh tiga tahun terakhir berturut-turut (2021, 2022 & 2023) dalam **skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- (iv) Berumur **tidak melebihi 45 tahun** pada 1 Januari 2024 (hanya PKP yang **lahir pada atau selepas 1 Januari 1979** sahaja yang memenuhi syarat ini);

---

<sup>1</sup> Saluran perdana bermaksud permohonan melalui portal UPU Online, portalambilan pelajar politeknik atau permohonan terus ke institusi pengajian tinggi yang tersenarai (tidak termasuk permohonan terus melalui anak syarikat milik institusi pengajian tinggi yang tersenarai).

(v) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lapan (8) tahun dalam skim perkhidmatan semasa pada 1 Januari 2024;**

(vi) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** seperti berikut:

| <b>Tempoh Kursus</b>                        | <b>Tempoh Menunggu<br/>(Dikira sehingga 1 Januari 2024)</b> |
|---|---|
| Lebih 12 bulan                              | 2 tahun   |
| Lebih dari 3 bulan,<br>kurang dari 12 bulan | 1 tahun   |

(vii) Permohonan **diperakui oleh Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM);

(viii) **Bebas** dari sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah;

(ix) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain;

(x) Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh **lima (5) tahun terkini;**

(xi) **Bebas** dari sebarang penyakit kronik seperti **LAMPIRAN D;** dan

(xii) Tidak mendapat **penajaan (pinjaman atau biasiswa)** daripada **agensi penaja lain** bagi kursus yang diikuti.

**(B) Syarat Khusus**

**(i) Ijazah Sarjana Muda**

(a) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **tiga (3) kepujian** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) **termasuk kepujian subjek Bahasa Melayu dan lulus Sejarah** atau kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang telah disetarakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kepada SPM; dan

**memiliki kelulusan** sama ada Diploma/ Diploma TVET/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level.

(b) Pegawai yang tiada kelayakan akademik seperti di perenggan (B) (i) (a) di atas, boleh memohon untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan menggunakan pakai ***Accreditation of Prior Experiential Learning (Access) - APEL.A***.

Nota : Sebarang bayaran yang melibatkan permohonan APEL.A adalah di bawah tanggungan pemohon dan tidak boleh dituntut daripada JPA.

(c) Memperoleh skor bagi keputusan *Malaysian University English Test (MUET)* **sekurang-kurangnya Band 3;**

Nota :

- Pemohon yang belum mempunyai keputusan MUET hendaklah menduduki ujian dan memperolehi keputusan MUET seperti disyaratkan sebelum 31 Ogos 2024.
- Pemohon yang pernah menduduki MUET sebelum ini, keputusan seperti yang disyaratkan tersebut boleh diguna pakai sekiranya masih dalam tempoh sah laku iaitu tidak melebihi 5

tahun (dikira daripada tarikh keputusan dikeluarkan sehingga 31 Ogos 2024).

- Sebarang bayaran yang berkaitan MUET adalah di bawah tanggungan pemohon dan tidak boleh dituntut daripada JPA.

(d) **Telah mendapat tawaran** bagi memulakan pengajian **Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa pada tahun 2024** dalam bidang yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A** sahaja. Kursus pengajian yang diikuti berdasarkan bidang yang ditetapkan tersebut hendaklah mendapat **akreditasi penuh oleh MQA**. Tawaran pengajian tersebut juga hendaklah daripada institusi pengajian tinggi yang disenaraikan seperti di **LAMPIRAN B** dan **LAMPIRAN C** sahaja.

**Nota :** Permohonan kemasukan ke institusi pengajian yang tersenarai tersebut hendaklah melalui saluran perdana sahaja iaitu permohonan melalui portal UPU Online, portalambilan pelajar politeknik atau permohonan terus ke institusi pengajian yang tersenarai (tidak termasuk permohonan terus melalui anak syarikat milik institusi pengajian yang tersenarai).

(ii) Diploma

- (a) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **tiga (3) kepujian** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk **kepujian subjek Bahasa Melayu dan lulus Sejarah;**
- (b) PKP yang tiada kelayakan akademik seperti di perenggan (B) (ii) (a) di atas, boleh memohon untuk meneruskan pengajian di peringkat Diploma dengan menggunakan pakai **APEL.A.**



Nota : Sebarang bayaran yang melibatkan permohonan APELA adalah di bawah tanggungan pemohon dan tidak boleh dituntut daripada JPA.

- (c) **Telah mendapat tawaran** bagi memulakan pengajian **Diploma secara sepenuh masa pada tahun 2024** dalam bidang yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A**. Kursus pengajian yang diikuti berdasarkan bidang yang ditetapkan tersebut hendaklah mendapat **akreditasi penuh oleh MQA**. Tawaran pengajian tersebut juga hendaklah daripada institusi pengajian tinggi yang disenaraikan seperti di **LAMPIRAN B** dan **LAMPIRAN C** sahaja.

Nota : Permohonan kemasukan ke institusi pengajian yang tersenarai tersebut hendaklah melalui saluran perdana sahaja iaitu permohonan melalui portal UPU Online (jika berkaitan), portalambilan pelajar politeknik atau permohonan terus ke institusi pengajian yang tersenarai (tidak termasuk permohonan terus melalui anak syarikat milik institusi pengajian yang tersenarai).

#### **4. TATACARA PERMOHONAN**

##### **(A) Tanggung jawab pegawai pemohon**

- (i) PKP yang berminat dikehendaki **membaca dan memahami** ketetapan, syarat dan tatacara permohonan / pencalonan yang telah ditetapkan ini sebelum membuat permohonan. Kegagalan mematuhi menyebabkan **permohonan akan dibatalkan / ditolak atau tidak berkelayakan secara automatik**.
- (ii) Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang **permohonan secara dalam talian** melalui pautan **<https://bmipenajaan.jpa.gov.my>** dalam tempoh bermula daripada **3 April 2024 sehingga 7 Jun 2024** sahaja. Borang

permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah **dicetak dan ditandatangani** oleh PKP yang memohon. Terdapat ruangan perakuan Ketua Jabatan selepas ruangan tandatangan PKP yang memohon yang mana memerlukan maklumat perkhidmatan PKP yang memohon **disahkan dan ditandatangani** oleh Ketua Jabatan<sup>2</sup> masing-masing.

**Nota: Tanggungjawab PKP yang memohon untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang kecaciran maklumat sebelum borang permohonan lengkap dikemukakan kepada urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)<sup>3</sup> masing-masing. Sebarang kecaciran atau ketidaklengkapan maklumat boleh menyebabkan permohonan ditolak dan tidak diproses untuk pertimbangan lanjut.**

(iii) Borang permohonan asal yang lengkap ditandatangani tersebut perlu dibuat 1 salinan fotokopi dan disahkan oleh pegawai berkeelayakan. **Kedua-dua borang permohonan tersebut (asal dan 1 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan)** hendaklah dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan berikut:

(a) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SPMV) yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan;

---

<sup>2</sup> Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana PKP ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

<sup>3</sup> PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

(b) Salinan Diploma/ Diploma TVET/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan (jika berkaitan);

(c) Salinan surat tawaran pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma untuk pengajian pada tahun 2024 yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan;

**Nota** : Sekiranya surat tawaran pengajian belum diterima ketika permohonan / pencalonan dikemukakan, slip / bukti permohonan kemasukan pengajian melalui saluran perdana hendaklah dikemukakan sebagai ganti. Surat tawaran pengajian perlu dikemukakan kemudian sekiranya pemohon berjaya ditawarkan penajaan di bawah program PPKP Tahun 2024

(d) Salinan keputusan ujian MUET yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan (jika berkaitan);

**Nota** : Sekiranya keputusan MUET belum diperolehi ketika permohonan / pencalonan dikemukakan, slip / bukti permohonan menduduki ujian MUET hendaklah dikemukakan terlebih dahulu. Keputusan MUET perlu dikemukakan kemudian sekiranya pemohon berjaya ditawarkan penajaan di bawah program PPKP Tahun 2024

(e) Salinan slip akreditasi MQA ke atas kursus yang dimohon oleh PKP yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan;

**Nota** : Slip akreditasi kursus pengajian boleh yang dicetak melalui pautan <http://www2.mqa.gov.my/mqr>

(f) Salinan surat lantikan ke Perkhidmatan Awam Persekutuan yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan;

*Nota : Sekiranya terdapat perubahan skim perkhidmatan, kesemua surat lantikan perlu dikemukakan termasuklah lantikan pertama sehinggalah ke lantikan terkini.*

Semua dokumen sokongan di atas hendaklah dikemukakan dalam **2 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan.**

**(B) Tanggung jawab Ketua Jabatan**

- (i) Ketua Jabatan hendaklah menyemak dan memastikan permohonan PPKP yang dikemukakan oleh PKP yang memohon mematuhi ketetapan dan syarat yang ditetapkan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyokong / memberi pelepasan kepada pegawai-pegawai yang bersesuaian dan berkeelayakan sahaja.

*Nota : sekiranya PKP yang memohon berjaya ditawarkan PPKP akan turut dipertimbangkan kelulusan cuti belajar dan masih menyandang jawatan sedia ada walaupun berlaku kekosongan operasi.*

- (ii) Ketua Jabatan perlu memastikan maklumat perkhidmatan PKP yang memohon di ruangan perakuan Ketua Jabatan adalah lengkap dan mengesahkannya dengan menandatangani ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut.

*Nota : Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS PKP yang memohon hendaklah dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan tersebut.*

- (iii) Permohonan yang lengkap dan disokong perlu dikemukakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang berkaitan kepada ~~urus setia PPSM masing-masing untuk penyelarasan~~ perakuan. Ketua Jabatan juga dikehendaki memaklumkan

kepada PKP yang memohon berhubung status permohonan mereka sama ada disokong / dilepaskan atau sebaliknya.

(C) **Tanggungjawab Ketua Perkhidmatan/ Pegawai Pengawal melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)**

- (i) Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal melalui PPSM masing-masing hendaklah meneliti semua permohonan yang telah disokong / dilepaskan oleh Ketua Jabatan di bawah kawalan masing-masing supaya tidak menjejaskan operasi organisasi. Ini kerana kekosongan jawatan secara operasi akan berlaku untuk tempoh yang panjang (sekitar 3 – 4 tahun) sekiranya mereka berjaya ditawarkan PPKP dengan kelulusan cuti belajar.

*Nota : sekiranya PKP yang memohon berjaya ditawarkan PPKP akan turut dipertimbangkan kelulusan cuti belajar dan masih menyandang jawatan sedia ada walaupun berlaku kekosongan operasi.*

- (ii) Di samping itu, urus setia PPSM hendaklah memastikan semua permohonan mematuhi ketetapan dan syarat yang ditetapkan di bawah PPKP sebelum mengemukakan perakuan pencalonan kepada pihak BMI, JPA. Permohonan yang diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal melalui PPSM dan dicalonkan kepada pihak BMI, JPA bermakna PKP tersebut telah dipersetujui untuk dilepaskan bagi mengikuti pengajian dengan cuti belajar di bawah PPKP kelak.

- (iii) Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urus setia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (a) **Melengkapkan borang Laporan PPSM**  
Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan -  
JPA(L) LDP 1A/96;

- (b) **Memastikan maklumat perkhidmatan** di ruangan perakuan Ketua Jabatan pada borang permohonan pegawai **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** yang berkaitan.

*Nota : Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.*

- (c) **Memastikan borang permohonan** (asal dan 1 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan) dan **semua dokumen sokongan** (2 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan) yang diperlukan seperti di perenggan 4 (A) (iii) (a) – (f) adalah **lengkap dan mencukupi**.

- (d) Mengemukakan pencalonan lengkap kepada pihak BMI, JPA **selewat-lewatnya pada 14 Jun 2024** sama ada melalui pos atau serahan tangan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
62510 PUTRAJAYA.

**(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)**

*Nota : Pencalonan lengkap yang dikemukakan hendaklah mengandungi dokumen-dokumen seperti berikut:*

- i. ~~Borang Laporan PPSM JPA(L) LDP 1A/96 yang telah ditandatangani (asal);~~  
ii. ~~Semua borang permohonan lengkap yang telah ditandatangani~~

oleh pemohon (asal & 1 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan);

iii. Semua dokumen sokongan (2 salinan fotokopi yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan) seperti di perenggan 4 (A) (iii) (a) – (f)

(e) Mengemaskini PKP yang memohon dan Ketua Jabatan masing-masing dengan memaklumkan status perakuan pencalonan PPSM sama ada diperakukan atau sebaliknya.

## 5. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan, BMI JPA**

**No. Telefon : 03 – 8885 3053 / 3371**

**Emel : [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my)**

## LAMPIRAN A

### SENARAI BIDANG PENGAJIAN DIPLOMA & IJAZAH SARJANA MUDA

| KLUSTER  | BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS |                                |
|--|------------------------------|--------------------------------|
| <i>Agriculture and Veterinary</i>                  | 1                            | Botani                         |
|  | 2                            | Pengurusan Perladangan         |
|  | 3                            | Perhutanan                     |
|  | 4                            | Perikanan                      |
|  | 5                            | Pertanian                      |
| <i>Arts and Humanities</i>                         | 1                            | Animasi                        |
|  | 2                            | Bahasa                         |
|  | 3                            | Grafik dan Multimedia          |
|  | 4                            | Kaji Purba                     |
|  | 5                            | Kebudayaan dan Kesenian Melayu |
| <i>Education</i>                                   | 1                            | Pendidikan                     |
| <i>Engineering, Manufacturing and Construction</i> | 1                            | Geomatik                       |
|  | 2                            | Alam Sekitar                   |
|  | 3                            | Automotif                      |
|  | 4                            | Awam                           |
|  | 5                            | Bahan                          |
|  | 6                            | Biokimia                       |
|  | 7                            | Elektrik                       |
|  | 8                            | Elektronik                     |
|  | 9                            | Kimia                          |
|  | 10                           | Komputer                       |
|  | 11                           | Marin                          |
|  | 12                           | Maritim/Laut                   |
|  | 13                           | Mekanik                        |
|  | 14                           | Mekatronik                     |
|  | 15                           | Pembuatan                      |
|  | 16                           | Perairan dan Senibina Laut     |
|  | 17                           | Pengajian Nautikal             |



| KLUSTER  | BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS |   |
|--|------------------------------|---|
| <i>Engineering,<br/>Manufacturing and<br/>Construction</i> | 18                           | Pengurusan Maritim                                |
|  | 19                           | Pertanian   |
|  | 20                           | <i>Remote Sensing</i>                             |
|  | 21                           | Seni Bina Landskap (Kepujian)                     |
|  | 22                           | Senibina ( <i>Architecture</i> )                  |
|  | 23                           | Teknologi Kejuruteraan Awam                       |
|  | 24                           | Teknologi Kejuruteraan Elektronik                 |
|  | 25                           | Teknologi Kejuruteraan Kimia                      |
|  | 26                           | Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) |
|  | 27                           | Teknologi Kejuruteraan Mekanikal                  |
|  | 28                           | Teknologi Kreatif                                 |
|  | 29                           | Teknologi Makanan                                 |
|  | 30                           | Teknologi Maklumat                                |
|  | 31                           | Teknologi Marin                                   |
|  | 32                           | Teknologi Maritim                                 |
|  | 33                           | Teknologi Perkayuan                               |
|  | 34                           | Ukur Bahan  |
|  | 35                           | Ukur Bangunan                                     |
| 36   | Ukur Tanah                   |   |
| <i>Health and Welfare</i>                                  | 1                            | Dietetik  |
|  | 2                            | Fisioterapi                                       |
|  | 3                            | Kejururawatan                                     |
|  | 4                            | Nutrisi   |
|  | 5                            | Optometri   |
|  | 6                            | Pemulihan Carakerja                               |
| <i>Science, Mathematics<br/>and Computing</i>              | 1                            | Astronomi – Sains                                 |
|  | 2                            | Audiologi   |
|  | 3                            | Ekologi   |
|  | 4                            | Forensik Sains                                    |
|  | 5                            | Geologi   |
|  | 6                            | Geosains  |
|  | 7                            | Meteorologi                                       |

| KLUSTER                                   | BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS |                                       |
|---|------------------------------|---------------------------------------|
| <i>Science, Mathematics and Computing</i> | 8                            | Oseanografi                           |
|   | 9                            | Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi |
|   | 10                           | Pengimejan Perubatan                  |
|   | 11                           | Radiografi                            |
|   | 12                           | Sains (Geoinformatik)                 |
|   | 13                           | Sains Aktuari                         |
|   | 14                           | Sains Bioindustri                     |
|   | 15                           | Sains Biologi                         |
|   | 16                           | Sains Fizik                           |
|   | 17                           | Sains Kimia                           |
|   | 18                           | Sains Kognitif                        |
|   | 19                           | Sains Komputer                        |
|   | 20                           | Sains Laut                            |
|   | 21                           | Sains Maklumat                        |
|   | 22                           | Sains Matematik                       |
|   | 23                           | Sains Pemakanan                       |
|   | 24                           | Sains Persekitaran                    |
|   | 25                           | Sains Samudera                        |
|   | 26                           | Sistem Maklumat                       |
|   | 27                           | Statistik                             |
| 28  | Telekomunikasi               |                                       |
| 29  | Zoologi                      |                                       |
| <i>Services</i>                           | 1                            | Bidang Keselamatan/ Pertahanan Awam   |
|   | 2                            | Keselamatan dan Kesihatan Pekerja     |
|   | 3                            | Pelancongan                           |
|   | 4                            | Pembangunan Belia dan Komuniti        |
|   | 5                            | Pengurusan Hospital                   |
|   | 6                            | Pengurusan Hotel dan Katering         |
|   | 7                            | Pengurusan Kualiti Makanan            |
|   | 8                            | Pengurusan Pembangunan Masyarakat     |
|   | 9                            | Pengurusan Perkhidmatan Makanan       |
|   | 10                           | Seni Kulinari                         |

| KLUSTER                                     | BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS |                                  |
|---|------------------------------|----------------------------------|
| <i>Social Science,<br/>Business and Law</i> | 1                            | Antropologi                      |
|   | 2                            | Arkib                            |
|   | 3                            | Bioteknologi                     |
|   | 4                            | Ekonomi                          |
|   | 5                            | Ekonomi Rumah Tangga             |
|   | 6                            | Fotografi                        |
|   | 7                            | Geografi                         |
|   | 8                            | Insurans                         |
|   | 9                            | Kaunseling                       |
|   | 10                           | Keusahawanan                     |
|   | 11                           | Kewangan                         |
|   | 12                           | Kewartawanan                     |
|   | 13                           | Komunikasi                       |
|   | 14                           | Komunikasi Massa                 |
|   | 15                           | Pemasaran                        |
|   | 16                           | Pembangunan Sumber Manusia       |
|   | 17                           | Penerbitan/ Percetakan           |
|   | 18                           | Pengajian Media                  |
|   | 19                           | Pengajian Perniagaan             |
|   | 20                           | Pengurusan Acara                 |
|   | 21                           | Pengurusan dan Teknologi Pejabat |
|   | 22                           | Pengurusan Harta Tanah           |
|   | 23                           | Pengurusan Sukan dan Rekreasi    |
|   | 24                           | Pentadbiran Awam                 |
|   | 25                           | Penyiaran                        |
|   | 26                           | Perakaunan                       |
|   | 27                           | Perancangan Bandar dan Wilayah   |
|   | 28                           | Perbankan                        |
|   | 29                           | Percukaian                       |
|   | 30                           | Perdagangan                      |
|   | 31                           | Perhubungan Antarabangsa         |
|   | 32                           | Peruncitan                       |

| KLUSTER                                     | BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS |   |
|---|------------------------------|---|
| <i>Social Science,<br/>Business and Law</i> | 33                           | Psikologi   |
|   | 34                           | Sains Kemasyarakatan                                |
|   | 35                           | Sains Kesetiausahaan                                |
|   | 36                           | Sains Pengurusan Rekod                              |
|   | 37                           | Sains Perpustakaan                                  |
|   | 38                           | Sains Politik                                       |
|   | 39                           | Sains Sukan   |
|   | 40                           | Sosiologi   |
|   | 41                           | <i>Teaching English As A Second Language (TESL)</i> |

Sumber: Bahagian Perkhidmatan JPA

## LAMPIRAN B

### SENARAI UNIVERSITI AWAM (DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA)

| BIL. | UNIVERSITI   |
|------|--|
| 1    | Universiti Malaya (UM)                               |
| 2    | Universiti Sains Malaysia (USM)                      |
| 3    | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)                 |
| 4    | Universiti Putra Malaysia (UPM)                      |
| 5    | Universiti Teknologi Malaysia (UTM)                  |
| 6    | Universiti Teknologi MARA (UiTM)                     |
| 7    | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)        |
| 8    | Universiti Malaysia Sabah (UMS)                      |
| 9    | Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)                 |
| 10   | Universiti Utara Malaysia (UUM)                      |
| 11   | Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)             |
| 12   | Universiti Malaysia Terengganu (UMT)                 |
| 13   | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)               |
| 14   | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)             |
| 15   | Universiti Malaysia Kelantan (UMK)                   |
| 16   | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)       |
| 17   | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)           |
| 18   | Universiti Teknikal Melaka (UTeM)                    |
| 19   | Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)                  |
| 20   | Universiti Malaysia Pahang (UMP)                     |
| 21   | Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) |

## LAMPIRAN C

### SENARAI POLITEKNIK/ POLITEKNIK PREMIER (DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA)

| BIL. | POLITEKNIK  |
|------|---|
| 1    | Politeknik Ungku Omar (PUO)                           |
| 2    | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)           |
| 3    | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) |
| 4    | Politeknik Kota Bharu (PKB)                           |
| 5    | Politeknik Kuching Sarawak (PKS)                      |
| 6    | Politeknik Port Dickson (PPD)                         |
| 7    | Politeknik Kota Kinabalu (PKK)                        |
| 8    | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)    |
| 9    | Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)                       |
| 10   | Politeknik Seberang Perai (PSP)                       |
| 11   | Politeknik Melaka (PMK)                               |
| 12   | Politeknik Kuala Terengganu (PKT)                     |
| 13   | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)         |
| 14   | Politeknik Merlimau (PMM)                             |
| 15   | Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)                   |
| 16   | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)             |
| 17   | Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)                   |
| 18   | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)              |
| 19   | Politeknik Muadzam Shah (PMS)                         |
| 20   | Politeknik Mukah Sarawak (PMU)                        |
| 21   | Politeknik Balik Pulau (PBU)                          |
| 22   | Politeknik Jeli (PJK)                                 |
| 23   | Politeknik Nilai (PNS)                                |
| 24   | Politeknik Banting (PBS)                              |
| 25   | Politeknik Mersing (PMJ)                              |
| 26   | Politeknik Hulu Terengganu (PHT)                      |
| 27   | Politeknik Sandakan (PSS)                             |
| 28   | Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)                  |
| 29   | Politeknik METrO Kuantan (PMKU)                       |
| 30   | Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB)                   |
| 31   | Politeknik METrO Betong (PMBS)                        |

| <b>BIL.</b> | <b>POLITEKNIK</b>                            |
|-------------|--|
| 32          | Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)        |
| 33          | Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) |
| 34          | Politeknik Besut (PBT)                       |
| 35          | Politeknik Bagan Datuk (PBD)                 |
| 36          | Politeknik Tawau (PTS)                       |

Sumber:

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi

**JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK**

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan Aids;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofrenia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.



LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN  
UNTUK KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

| 1. TAJUK KURSUS  |                              |  |       |                     |
|--|------------------------------|--|-------|---------------------|
| 2. TEMPAT KURSUS   |                              |  |       |                     |
| 3. TEMPOH KURSUS   |                              |  |       |                     |
| 4. PENGANJUR   |                              |  |       |                     |
| 5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA  |                              |  |       |                     |
| 6. BIL. CALON YANG LAYAK   |                              |  |       |                     |
| 7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)  |                              |  |       |                     |
| Nama dan Jawatan Calon   | Kelulusan / Institut / Tahun | Perkhidmatan Sekarang  |       | Tarikh Lahir / Umur |
|  |                              | T/Lantikan   | T/Sah |                     |
| <u>Calon Tetap</u>   |                              |  |       |                     |
| <u>Calon Simpanan</u>  |                              |  |       |                     |
| 8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN  |                              | ASAS ASAS PERAKUAN   |       |                     |
| <p><b><u>PENGERUSI:</u></b></p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p><b><u>AHLI :</u></b></p> <p>1. Nama :<br/>Jawatan:</p> <p>2. Nama:<br/>Jawatan:</p> <p>.....<br/>(Tandatangan Pengerusi/Setiausaha)</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Cop Rasmi Kerajaan:</p> <p>Tarikh: .....</p> |                              | <p><b><u>PERAKUAN</u></b></p> <p>DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KEMENTERIAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS</p> |       |                     |